

30 MAY 1997

Abu Hassan - Sumpah

ABU HASSAN AKAN JUMPA MUHAMMAD TIDAK LAMA LAGI

SHAH ALAM, 30 Mei (Bernama) -- Bakal Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar hari ini mengangkat sumpah sebagai Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor bagi Kawasan Permatang di hadapan Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Onn Ismail pada satu upacara ringkas di sini.

Upacara itu disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Hashim Meon dan Penasihat Undang-undang Negeri, Ahmad Asnawi dan turut dihadiri oleh anggota-anggota Exco dan ADUN negeri.

Upacara itu diadakan berikutan Abu Hassan memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang semalam mengalahkan lawannya dari Pas MOhad Maskuri Mardzuki dengan majoriti 7,700 undi.

Pilihan raya kecil itu diadakan serentak dengan yang di kawasan Parlimen Kuala Selangor dan kawasan negeri Repah di Negeri Sembilan yang turut dimenangi oleh calon Barisan Nasional.

Abu Hassan perlu menjadi ADUN terlebih dahulu sebelum dilantik menjadi Menteri Besar sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan negeri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan beliau untuk mengambil alih jawatan Menteri Besar Selangor dari Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang meletak jawatan 14 April lepas ekoran menghadapi tuduhan gagal mengistiharkan wang bernilai RM2.4 juta di Mahkamah Brisbane, Australia 22 Dis tahun lepas.

Bercakap kepada pemberita selepas upacara itu Abu Hassan berkata beliau akan menemui Muhammad dua tiga hari lagi untuk mendapatkan penerangan mengenai perkara-pekerja yang memerlukan perhatian segera kerajaan negeri.

Katanya, tentu ada perkara-perkara yang tidak sempat diselesaikan oleh Muhammad dalam tempoh negeri Selangor ketiadaan Menteri Besar sejak beliau meletakkan jawatan itu.

Beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan Exco, ADUN, Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan lain untuk mendapatkan pandangan dan kerjasama mereka.

Ditanya mengenai bila beliau akan mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor, Abu Hassan berkata tarikh dan masanya belum ditetapkan kerana Sultan Selangor masih bercuti di luar negeri.

"Saya akan menunggu titah baginda mengenai upacara mengangkat sumpah Menteri Besar," katanya. Sultan Selangor dijangka pulang ke tanah air Rabu depan.

Mengenai rombakkan Exco negeri, Abu Hassan berkata beliau belum boleh bercakap mengenainya. -- BERNAMA

KM WAT